

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)67**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENANTI  
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

67. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah-masalah yang sering berlaku di atas Jambatan Pulau Pinang yang menyebabkan pergerakan trafik terlampau perlahan ataupun tidak bergerak?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

67. Secara lazimnya, kesesakan lalu lintas terutama di atas Jambatan Pulau Pinang yang berlaku pada waktu puncak sehingga menyebabkan pergerakan trafik terlampau perlahan ataupun tidak bergerak biasanya adalah akibat kemalangan maut di atas Jambatan Pulau Pinang.

Tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah-kesesakan yang sering berlaku adalah seperti berikut:

- (i) Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), telah menambah kamera pengawasan di beberapa lokasi strategik di jambatan untuk memantau keadaan trafik semasa yang membolehkan tindakan

segera diambil sekiranya berlaku kemalangan atau halangan lalu lintas;

- (ii) Rondaan oleh pihak konsesi untuk mempercepatkan tindak balas sekiranya berlaku kemalangan atau insiden lain yang menghalang laluan;
- (iii) Sistem maklumat trafik semasa melalui laman sesawang PLUS atau papan tanda elektronik sebelum memasuki jambatan, yang membolehkan pengguna jalan raya merancang laluan alternatif sekiranya berlaku kesesakan yang teruk;
- (iv) Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti bas dan feri. Kerajaan Negeri telah menyediakan dua (2) laluan bas percuma CAT Bridge khusus dari Bukit Mertajam ke KOMTAR dan dari Seberang Jaya ke Bayan Lepas termasuk bas BEST KOMTAR untuk mengurangkan bilangan kenderaan persendirian di atas Jambatan Pulau Pinang; dan
- (v) Menyokong pelaksanaan Projek Juru-Sungai Dua (JSD) oleh pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi mengatasi isu *weaving* yang menyumbang kepada kesesakan di atas Jambatan Pulau Pinang.